



## SOALAN LAZIM (FAQs)

### ENAKMEN HOTEL DAN PELAKSANAAN PERATURAN HOTEL 2024

---

SOALAN	JAWAPAN
<p><b>SOALAN 1 (S1)</b></p> <p>Apakah tujuan penyediaan enakmen ini?</p>	<p><b>JAWAPAN 1 (J1)</b></p> <p>Enakmen dan Peraturan Hotel disediakan bertujuan membantu Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pengusaha hotel <b><u>dan rumah tumpangan, chalet, rumah-rumah rehat, khemah dan houseboat yang sebelum ini tidak dapat didaftarkan untuk mendapat lesen dari Pihak Berkuasa (termasuk AirBnB dan homestay).</u></b> Ini menggambarkan usaha yang serius diambil oleh Kerajaan Negeri Perak agar memastikan semua jenis penginapan dan permalaman di Negeri Perak memiliki lesen hotel.</p>

<p><b>SOALAN 2 (S2)</b></p> <p>Bilakah Enakmen Hotel Perak ini diluluskan?</p>	<p><b>JAWAPAN 2 (J2)</b></p> <p>Enakmen ini telah diluluskan oleh Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan pada 23 Mei 2023 dan diwartakan pada 20 Julai 2023 untuk diterima pakai di peringkat Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.</p>
<p><b>SOALAN 3 (S3)</b></p> <p>Siapakah yang perlu untuk mendaftar di bawah Enakmen Hotel Perak dan bila?</p>	<p><b>JAWAPAN 3 (J3)</b></p> <p>Anda yang merupakan seorang pengusaha hotel, motel, rumah tumpangan, rumah tetamu, rumah bot, tapak perkhemahan, <i>homestay</i>, AirBnB atau kenderaan yang digunakan sebagai tempat penginapan layak untuk mendaftar di bawah enakmen ini. Proses pendaftaran boleh dimulakan serta merta dengan Pihak Berkuasa Tempatan di daerah masing-masing.</p>
<p><b>SOALAN 4 (S4)</b></p> <p>Bagaimanakah kaedah untuk memohon lesen premis hotel? <b>(Bagi permohonan kali pertama/baharu)</b></p>	<p><b>JAWAPAN 4 (J4)</b></p> <p>Pemohon / Pengusaha / Pengendali dikehendaki untuk memohon lesen dengan Pihak Berkuasa Melesen iaitu Pihak Berkuasa Tempatan berserta dengan dokumen sepertimana yang tertakluk kepada senarai semak Pihak Berkuasa Melesen.</p>

Nota Tambahan: Contoh cadangan dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:

- i. Borang Permohonan Lesen Hotel
- ii. Satu (1) Salinan kad pengenalan (warganegara) atau Salinan butiran maklumat passport dan visa dagang (bukan warganegara)
- iii. Satu (1) keeping gambar berukuran passport
- iv. Salinan Perakuan Pendaftaran Syarikat .... Mengikut Akta Pendaftaran Syarikat
- v. Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan CF @ Sijil Siap dan Pematuhan CCC
- vi. Perjanjian Sewa Premis / Perjanjian Jual Beli Bangunan / Geran Tanah (Tanah Persendirian) / Lesen Menduduki Sementara
- vii. Satu (1) Salinan Pelan Lokasi Bangunan
- viii. Satu (1) Pelan Lakaran Lantai Premis
- ix. Gambar Premis
- x. Visual papan iklan
- xi. Salinan cukai taksiran yang telah dibayar
- xii. Bayaran proses RM30.00 dikenakan setelah borang lengkap

<p><b>SOALAN 5 (S5)</b></p> <p>Adakah terdapat sebarang pembayaran fi bagi permohonan lesen?</p>	<p><b>JAWAPAN 5 (J5)</b></p> <p>Ya, pemohon dikehendaki untuk membayar fi permohonan sepertimana yang telah ditetapkan di dalam Jadual Pertama Peraturan Hotel semasa sesuatu permohonan dikemukakan kepada PBT. Fi permohonan lesen berjumlah RM30.00</p> <p><i>*(Nota: Fi permohonan tidak akan dikembalikan kepada pemohon samada permohonan diluluskan ataupun tidak)</i></p>
<p><b>SOALAN 6 (S6)</b></p> <p>Berapakah kadar fi tahunan sesuatu jenis hotel?</p>	<p><b>JAWAPAN 6 (J6)</b></p> <p>Kadar fi tahunan sesuatu jenis hotel ditetapkan mengikut kategori hotel sepertimana yang terkandung dalam Jadual Pertama dan Jadual Ketiga Peraturan Hotel Perak 2024.</p> <p><i>*Peraturan Hotel 2024 masih dalam proses pewartaan</i></p>
<p><b>SOALAN 7 (S7)</b></p> <p>Adakah lesen premis hotel mempunyai tempoh sah laku?</p>	<p><b>JAWAPAN 7 (J7)</b></p> <p>Lesen hotel adalah sah selama tempoh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen (PBT) iaitu tidak kurang daripada 1 tahun dan tidak melebihi 3 tahun. PBT yang akan menentukan tempoh sah laku bergantung kepada syarat-syarat yang telah ditepati oleh pengusaha hotel.</p>

<p><b>SOALAN 8 (S8)</b></p> <p>Bagaimanakah sekiranya seseorang pengusaha penginapan gagal mematuhi syarat-syarat untuk memperoleh lesen?</p>	<p><b>JAWAPAN 8 (J8)</b></p> <p>Di bawah Enakmen Hotel, semua pengusaha penginapan dikehendaki untuk memilik lesen hotel daripada PBT. Oleh yang demikian, proses pemutihan lesen hotel diperkenalkan bagi tempoh selama satu (1) tahun dan ia berkuatkuasa mulai 1 Julai 2024 sehingga 30 Jun 2025. Dalam tempoh ini, PBT akan memberikan bimbingan, penjelasan, kempen-kempen pendidikan kepada pengusaha penginapan agar faham dan melaksanakan penambahbaikan atau tindakan pembetulan dalam memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.</p>
<p><b>SOALAN 9 (S9)</b></p> <p>Bagaimana permohonan lesen hotel diperolehi sekiranya lokasi penginapan (tapak perkhemahan) berada di kawasan seperti sungai, pinggir laut atau pantai, tasik, tebing tinggi dan cerun bukit?</p>	<p><b>JAWAPAN 9 (J9)</b></p> <p>Pengurus atau pengendali tempat penginapan perlu mendapatkan ulasan daripada Jabatan / agensi teknikal yang berkaitan seperti Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Mineral dan Galian, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan mengemukakan kepada Pihak Berkuasa Melesen untuk mendapatkan lesen hotel. Sementara proses ini berlangsung, Pihak Berkuasa Melesen akan mengeluarkan lesen sementara yang sah untuk enam bulan kepada pengusaha/pengendali penginapan.</p>

<p><b>SOALAN 10 (S10)</b></p> <p>Apakah tujuan tempoh pemutihan lesen hotel?</p>	<p><b>JAWAPAN 10 (J10)</b></p> <p>Tujuan utama diberikan tempoh pemutihan ini adalah agar untuk memastikan semua jenis penginapan dan pemalaman di negeri Perak mempunyai ruang dan tempoh masa yang mencukupi untuk memilik lesen hotel daripada PBT. Selain daripada itu juga, agar negeri / PBT dapat melengkapkan data hotel di seluruh negeri Perak bagi tujuan perancangan pembangunan sektor pelancongan negeri Perak.</p>
<p><b>SOALAN 11 (S11)</b></p> <p>Apakah yang dimaksudkan dengan Caj Perkhidmatan Tempatan (CPT)?</p>	<p><b>JAWAPAN 11 (J11)</b></p> <p>CPT adalah suatu caj yang dikenakan kepada para pengunjung ke tempat penginapan atau permalaman di hotel dalam negeri Perak. Kadar CPT yang dikenakan adalah RM3.00/semalam bagi setiap bilik. Untuk makluman semua, caj sebegini juga telah dikenakan di beberapa negeri lain seperti Melaka, Pulau Pinang dan Pahang dengan pelbagai nama caj dan tafsiran serta dikawalselia oleh Pihak Berkuasa Negeri masing-masing.</p>

<p><b>SOALAN 12 (S12)</b></p> <p>Adakah terdapat penguatkuasaan yang akan dilakukan terhadap premis penginapan?</p>	<p><b>JAWAPAN 12 (J12)</b></p> <p>Pihak Berkuasa Tempatan akan melaksanakan operasi penguatkuasaan bila-bila masa yang dirasakan perlu dan bagi tempoh selama setahun tiada kompaun akan dikenakan kepada pengusaha / pengendali hotel. Tujuan penguatkuasaan dalam tempoh ini hanya untuk memberi tunjuk ajar dan pendidikan agar mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.</p>
<p><b>SOALAN 13 (S13)</b></p> <p>Saya ingin menjalankan operasi penginapan <i>homestay</i> / AirBnb di kawasan perumahan, apakah syarat-syarat permohonan lesen?</p>	<p><b>JAWAPAN 13 (J13)</b></p> <p>Syarat-syarat permohonan lesen hotel adalah sama, tambahan pengusaha <i>homestay</i> perlu mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada jiran untuk menjalankan operasi tersebut, surat kelulusan Jabatan Bomba dan Penyelamat, kelulusan kebenaran merancang dan sijil kelayakan menduduki bangunan daripada Pihak Berkuasa Tempatan.</p>